



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



*"JA BERAMBEH NGAGAI SARAWAK"*

## **PESTA**

### **MAJLIS SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA KALI KE 46 TAHUN 2018**

15-21 DISEMBER 2018  
SARAWAK BUMI KENYALANG

---

#### **8. PERATURAN KEBUDAYAAN ( KUGIRAN )**

##### **1. PENDAHULUAN**

Pertandingan kugiran ini dikelola oleh Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Sarawak

##### **2. ALAT MUZIK**

Penganjur hanya akan menyediakan alatan asas seperti drum, amplifier (gitar, bass, keyboard) sahaja. Adalah diingatkan bahawa alatan lain perlu dibawa sendiri oleh para peserta / kumpulan berkenaan.

##### **3. PEMBENTUKAN PASUKAN**

BIL	KATEGORI STATUS	PESERTA / PEGAWAI		JUMLAH
		LELAKI	WANITA	
1	Pengurus	1 orang		1 orang
2	J8rulatih	1 orang		1 orang
3	Pemain	5-12		12 orang
<b>JUMLAH</b>				<b>15 orang</b>

- 3.1 Jumlah ahli bagi setiap kumpulan hendaklah **sekurang-kurangnya 5 orang** dan **tidak melebihi 12 orang**.
- 3.2 Penyertaan boleh terdiri daripada lelaki / perempuan sahaja ATAU campuran.
- 3.3 Ahli-ahli kumpulan mestilah bebas daripada pengaruh alkohol atau dadah

atau bahan-bahan terlarang.

#### 4. PENDAFTARAN PASUKAN

4.1 Setiap pasukan dikehendaki mengemukakan 'Borang Pendaftaran Rasmi' yang telah ditandatangani oleh pengurus pasukan dan diserahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.

4.2 Setiap pendaftaran hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut:

- i. **Salinan kad pengenalan yang telah disahkan.**
- ii. **Satu salinan slip gaji SAMA ADA September, Oktober atau November 2018 yang telah disahkan.**

4.3 Jawatankuasa Pengelola berhak untuk menolak borang pendaftaran pasukan yang tidak lengkap.

#### 5. LAGU

5.1 Setiap kumpulan dikehendaki mempersembahkan **2 buah lagu** dan satu instrumental

**5.1.1** Lagu pertama: **Nyanyian lagu Melayu tempatan ( Bertema Bebas. Sebuah sahaja, bukan medley).**

**5.1.2** Lagu kedua (Duet) : **( Tema: Bebas: Bahasa Bebas, Sebuah lagu)**

**5.1.3** Persembahan Instrumental: **Sebuah lagu bergenre Jazz**

5.2 Jangka masa persembahan bagi setiap kumpulan hendaklah **tidak melebihi 15 minit.**

5.3 Jika lagu ciptaan / gubahan sendiri, skor lengkap perlu disertakan dan satu salinan diserahkan kepada pihak pengelola.

5.4 Setiap lagu tidak dibenarkan menyentuh isu-isu agama, politik, dasar kerajaan, lucah dan sebagainya yang memperlekehkan individu / pihak tertentu.

#### 6. PAKAIAN

6.1 Pakaian penyanyi dan pemain muzik hendaklah kemas, bersesuaian dan sopan.

6.2 Tiada markah tambahan bagi kategori pakaian akan diberi.

#### 7. PEMARKAHAN

7.1 Lagu pertama

7.1.1 Nyanyian (sebutan, pic) : 30 markah

- 7.1.2 Muzik iringan : 20 markah
- 7.1.3 Imbangan bunyi (*balance*) dan dinamik : 15 markah
- 7.1.4 Tempo dan keseragaman : 10 markah
- 7.1.5 Kreativiti (improvisasi) : 20 markah
- 7.1.6 Ketrampilan : 5 markah
  
- 7.2 Lagu kedua
- 7.2.1 Harmoni : 30 markah
- 7.2.2 Intepretasi (warna ton) : 20 markah
- 7.2.3 Imbangan bunyi (*balance*) dan dinamik : 15 markah
- 7.2.4 Tempo dan keseragaman : 10 markah
- 7.2.5 Kreativiti (improvisasi) : 20 markah
- 7.2.6 Ketrampilan : 5 markah
  
- 7.3 Instrumental
- 7.3.1 Muzik instrumental (melodi, gubahan) : 30 markah
- 7.3.2 Intepretasi (warna ton) : 20 markah
- 7.3.3 Imbangan bunyi (*balance*) dan dinamik : 15 markah
- 7.3.4 Tempo dan keseragaman : 10 markah
- 7.3.5 Kreativiti (improvisasi) : 20 markah
- 7.3.6 Ketrampilan : 5 markah

## 8. HADIAH

- 8.1 Kumpulan
  - 8.1.1 Johan : Medal dan Piala
  - 8.1.2 Naib Johan : Medal dan Piala
  - 8.1.3 Ketiga : Medal dan Piala
  - 8.1.4 Ke-4 : Medal
- 8.2 Anugerah khas (Tidak termasuk dalam pengiraan markah)
  - 8.2.1 Vokalis terbaik
  - 8.2.2 Guitarist terbaik
  - 8.2.3 Keyboardis Terbaik
  - 8.2.4 Drummer Terbaik

## 9. PENGHAKIMAN

- 9.1 Para Hakim akan dilantik oleh pihak Pengelola Pesta MSKPPM .
- 9.2 Keputusan hakim adalah muktamad.